

Sukarno Mempertahankan Kedudukan Perbuatan “Peonnya”

Sukarno bersama-sama komplotannya tidak mau tau keadaan yang sebenarnya di Brunei. Ia terus terang menyokong langkah-langkah yang dibuat oleh peonnya, Azahari, sekalipun keadaan sebenarnya di dalam peristiwa berdarah di Brunei itu lain daripada yang digembur-gemburkan Sukarno. Sukarno mau mengabui rakyat Indonesia yang sedang menderita dengan menunjuk-nunjukkan bahawa kerja-kerja nasional masih banyak dan perlu. Sebab itu dapatlah dialirkan fikiran rakyat daripada menyedari dirinya kepada penderitaan, dengan gambar gemburnya, barangkali sebab itulah peonnya, Azahari, melangkah ke hadapan, menjual nama Sultan Brunei, memikat rakyat Brunei menyertai pemberontak, kerana kononnya pemberontakan ini adalah dengan kehendak Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei. Dengar kisahnya di bawah ini.

(Oleh Pengulas Kita)

Sebelum diadakan pilihan umum, Azahari telah menganjurkan supaya diadakan tuntutan-tuntutan kepada Sabah dan Sarawak supaya termasuk di dalam wilayah Brunei dengan berdasarkan kepada sejarahnya. Ia menganjurkan supaya sultan menyertai cadangannya yang dengannya dapatlah kelak sultan akan terletak sebagai Yang di-Pertuan Agong, kalau ketiga-tiga negeri itu digabungkan di bawah kesatuan yang dikehendakinya.

Apabila diadakan pemilihan umum, Azahari telah mengadakan persiapan-persiapan sekiranya Parti Rakyat kalah maka sudah tentu ia mengadakan pemberontakan berdarah. Tetapi Parti Rakyat telah menang dan ia mendapat majoriti. Azahari telah menuntut supaya dia dilantik menjadi *speaker* tetapi permintaannya ditolak. Azahari sendiri tidak bertanding di dalam pilihan raya itu.


Sebelum itu Azahari telah berada di Jakarta selama lebih daripada tiga bulan kononnya kerana melakukan pembelahan kerana uzurnya. Tidak ada kenyataan yang tepat apakah sebenarnya ia mengidap suatu penyakit kerana berpotong sebab perubatan di Malaya adalah lebih mencukupi daripada di Indonesia jika hendak mengubat sesuatu penyakit sebab itu pemergiannya ke Jakarta adalah mungkin mengikat suatu pertaliannya atau ikatan sebagai suatu “kakitangan” untuk menyatukan wilayah Brunei Utara dengan akhirnya meletakkannya

sebagai suatu daerah Indonesia, sebagaimana yang telah dirancangan oleh Sukarno.

Sukarno hendak menuntut dengan tegas supaya Utara (Sarawak Brunei dan Sabah) terletak di bawah takluknya tidak mempunyai sebab-sebab yang munasabah yang boleh dijadikan hujah “menghalalkan” tuntutan seperti di Irian Barat. Kerana itu Sukarno memerlukan seorang “peon” untuk mencari jalan supaya “dengan kemahuan rakyat” pemberontakan diadakan; dan Sukarno akan menyokongnya kelak untuk menunjukkan bahawa Sukarno dan komplotannya yang menindas rakyat Indonesia sehingga menderita itu adalah cinta kepada kemerdekaan dan menyokong suatu pemberontakan yang mau merdeka.

Untuk ini maka mustahak kita mengetahui bahawa adakah sebenarnya pemberontak Azahari itu daripada pemberontakan seluruh penduduk Kalimantan Utara itu.

Azahari dapat mempengaruhi Parti Rakyat. Ia dapat menguasai parti itu dan boleh menghitam putihkannya kerana ia seorang yang bijak berkata-kata. Apabila ia jatuh dalam usahanya mengadakan percetakan di Singapura maka ia pulang ke Brunei dan kemudian dikatakan mendapat pinjaman kerajaan untuk membuka usaha-usaha percetakan di sana. Ia mendapat pula bantuan-bantuan kerajaan untuk



Pemandangan di Pelabuhan Bahrain, sebuah pelabuhan di Tanah Arab yang kaya dengan minyak.

mencetak barang-barang keperluan kerajaan dipercepatkannya. Tetapi bantuan kerajaan ini telah gagal kerana ia bukannya seorang pentadbir yang baik di dalam perusahaan.

Harus bantuan yang diberi kepadanya ini adalah bersifat sebagai memberi senjata kepadanya untuk menikam kerajaan dan raja negeri Brunei. Ia dapat berleluasa untuk menjalankan peranannya dalam melaksanakan “perintah bosnya” dari Indonesia dengan bertopengkan bahawa hubungannya baik dengan raja. Ia cukup mengetahui bahawa rakyat Brunei sangat taat kepada raja mereka yang baik dan soleh dan sangat limpah itu.

Mungkin dengan hubungan baik kepada rajanya itu, lalu Azahari memujuk dan membayangkan kepada Yang Maha Mulia Sultan Brunei bahawa ia, Azahari, akan mengadakan tuntutan sejarah untuk meletakkan Sabah dan Sarawak ke dalam

perjajahan Brunei dan sultan akan dijadikan Yang di-Pertuan Agong bagi daerah itu. Tetapi harus Duli Yang Maha Mulia itu berfikir jauh bahawa jika diikuti tujuan

Azahari maka tetap ia akan menghadapi kekusutan sebab suatu tuntutan sejarah itu biasa membawa perbalahan dan lebih merugikan daripada menguntungkan kepada negara Brunei sebab harus tanggungjawabnya lebih besar sedang kerajaan Brunei itu sendiri adalah sebuah kerajaan yang makmur dan mewah.

Dengan hubungan ini pula maka Azahari, di dalam menunaikan perintah tuannya dari Indonesia melaksanakan suatu dalih menghadapi pengikut-pengikutnya. Ia mengatakan bahawa sultan adalah menyuruhnya menyusun suatu gerakan untuk membebaskan negeri Brunei beserta Sabah dan Sarawak dari penjajahan dengan jalan mengadakan pemberontakan. Ia



Pakaian penuntut Sekolah Islam di Indonesia dalam bentuknya yang sopan telah dibandingkan dengan pakaian penuntut-penuntut Islam di Azhar yang menyolok mata.

mengatakan bahawa raja adalah berdiri di belakang langkahnya. Ia menjalankan tugas itu adalah dengan persetujuan sultan.

Kerana rakyat Brunei taat kepada sultannya maka mereka pun menyertailah asutan-asutan peon Sukarno itu.

Apabila pemberontakan diperintahkan dilakukan baharulah rakyat menyedari bahawa raja mereka adalah tidak sekali-kali ada kena mengena di dalam hal ini. Raja tidak sekali-kali menyokong segala perbuatan itu bahkan raja berperdirian sebaliknya.

Ini dapat dilihat di dalam masa berlaku peristiwa itu. Istana Brunei hanya dikawal oleh tidak sampai sepuluh orang mata-mata. Pemberontak-pemberontak yang menyerang ke istana itu tidak kurang daripada 400 orang. Rupanya apabila mereka mengetahui bahawa sultan mereka tidak menyertai perbuatan itu maka kebanyakan mereka, pada malam itu, berpeluk tubuh sahaja. Tidaklah hairan bahawa pada siangnya banyak di antara mereka yang menyerah diri kerana mereka terasa tertipu atau ditipu oleh Azahari.

Orang-orang yang menyerah makin ramai apabila di luar-luar

daerah dari bandar Brunei mendengar suara sultan mereka meminta mereka balik semula dan menyerah.

Sultan mengetahui keadaan ini dan sebab itulah, tiga hari di belakang sultan mengishtiharkan pemangpunan¹ kepada rakyat-rakyatnya yang sudah bertaubat dan mengaku kesalahannya itu.

Ini adalah menjadi bukti yang nyata adakah sebenarnya pemberontakan itu dari rakyat atau hanya kemahuan “peon Sukarno” itu. Kalaulah dari rakyat sudah tentu mereka berjuang bersungguh-sungguh. Kalaulah dari seluruh Kalimantan Utara, tentunya pula di Sarawak dan Sabah bergolok bersama-sama membebaskan dirinya “seperti yang disebut Sukarno”.

Mengapa Sukarno Campur?

Sesudah Irian, Brunei Utara, itulah rencana Sukarno. Di dalam beberapa tahun, semenjak dari tahun 1950 Sukarno sudah jadi gila Irian. Persoalan Irian dibesar-besarkannya. Untuk ini mana-mana parti yang menentang dihancurkannya dengan berbagai-bagai tipu daya dan helah. Sebagai pemerintah ia tidak lagi memikirkan kebahagiaan rakyat. Rakyat-rakyat daerah ditentanginya dan ditindas. Orang-orang Jawa yang sudah kelaparan dan jatuh akhlaknya, diberinya makanan dan diberinya senjata untuk menjajah daerah-daerah. Semuanya dibelinya dengan korban yang besar. Pemimpin-pemimpin yang taat kepadanya dimewahkan dan ia hidup mewah berbuat sekehendaknya. Hampir-hampir semua penghasilan negara dibuat untuk membeli senjata sehingga rakyat hidup serba kekurangan.

Sepuluh tahun peristiwa Irian Barat. Sekarang Irian Barat hampir selesai. Fikiran rakyat dan kemahuan rakyat mesti dilayan. Untuk melayan fikiran dan kemahuan rakyat adalah satu jalan sahaja iaitu memakmurkan kehidupan mereka. Untuk ini Sukarno tidak mempunyai daya upaya.

Supaya fikiran rakyat dapat diabui maka suatu jalan dicari supaya rakyat sentiasa terasa bahawa tugas kemerdekaan belum sempurna. Sebab itulah dengan

¹ Perkataan sebenar ialah, pengampunan.

tergesa-gesa ia memerintahkan “peonnya” membuat usaha yang segera supaya dapat dialihkan fikiran rakyat dari Irian Barat ke lain tempat.

Dengan mengikut perintah “Bung Gede” inilah Azahari tergesa-gesa memuat langkah memberontak tetapi tidak berjaya. Komplotan Sukarno tidak mau tau hakikat sebenar pemberontakan itu. Ia terus berkeras mengatakan pemberontakan Brunei pemberontakan rakyat dari seluruh Brunei Utara. Ia terus membabi buta menuduh mencari alasan membuat ribut supaya rakyatnya pada satu perkara dapat diabui bahawa perjuangan masih belum habis dan keduanya supaya dapat ia jajahan baharu dengan menghidupkan semangat “rakyat di Brunei Utara” sendiri mau bergabung dan bersatu dengan Indonesia.

Adakah Azahari Halal Sebagai Rakyat Brunei?

Sepanjang yang diketahui bahawa mengikut perlembagaan Brunei, Azahari bukanlah sebagai rakyat Brunei. Ia tidak berhak menyuarakan suara rakyat Brunei.

Di dalam Brunei ada tiga golongan rakyat. Orang-orang yang masuk menjadi rakyat Brunei dengan sendirinya ialah:

1. Orang-orang Melayu, Kedayan, Murut, Bisaya, Tutong, Belait dan Dusun.
2. Orang-orang yang mendaftarkan dirinya – peranakan-peranakan di dalam negeri dari bukan orang yang disebut di atas dan mestilah ia berada di Brunei di antara 12 dengan 15 tahun, dan
3. Orang-orang yang menukar kerakyatan, boleh mendapat kerakyatan sesudah bermastautin di Brunei 20 tahun.

Sepanjang yang diketahui bahawa Azahari tidak pun mendaftarkan dirinya di dalam bahagian yang kedua. Dengan sendirinya, secara rasmi menurut punca-punca yang mengetahui bahawa Azahari bukanlah rakyat Brunei.

Ini terang pula bahawa sokongan rakyat kepadanya pun tidak ada. Tubukti² sekalian pengikut-pengikutnya telah meninggalkan dan perjuangannya terbengkalai.



Nyonya Bandaranaike, Perdana Menteri Ceylon, bersama-sama dengan penyokong-penyokongnya menjumpai Perdana Menteri India, Tuan Nehru (Kiri), kerana merundingkan syarat-syarat damai di dalam perbalahan di antara India dengan Cina.

² Perkataan sebenar ialah, terbukti.